

25 DEC 2002

Mahathir-Batu Puteh/I

PULAU BATU PUTEH TETAP PENTING KEPADA NEGARA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Dis (Bernama) -- Pulau Batu Puteh tetap penting kepada Malaysia walaupun ia tidak mempunyai sumber asli seperti minyak kerana pulau kecil yang terletak 15 batu nautika dari Pengerang, Johor itu berada di dalam wilayah Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sudah tentu ia penting...kerana ia berada dalam wilayah kita.

"Kita tidak memberi pertimbangan sama ada terdapat sumber minyak. Negara kita adalah milik kita...kita tidak membenarkan orang mengambil mana-mana bahagian negara kita," kata Perdana Menteri apabila ditanya sejauh mana pentingnya pulau itu kepada Malaysia.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita semasa menghadiri majlis sambutan Hari Krismas anjuran Pengerusi Persekutuan Kristian Malaysia Rev Datuk Prince Guneratnam di sini hari ini.

Mengulas laporan akhbar mengenai tindakan pengawal pantai Singapura mengusir sebuah kapal ronda Polis Marin Malaysia yang melakukan rondaan berhampiran pulau itu semalam, Dr Mahathir berkata memang Singapura mengambil sikap bahawa Pulau Batu Puteh menjadi milik mereka dan berpendirian bahawa mereka berhak untuk mengawal kawasan itu.

"Sebab itu mereka usir sesiapa sahaja yang melintas (berhampiran perairan) pulau itu) samada nelayan atau polis Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau akan menyerahkan kepada Wisma Putra untuk menimbangkan sama ada perlu dikemukakan bantahan kepada kerajaan Singapura mengenai kejadian itu.

Mengenai persetujuan kedua-dua negara menyerahkan pertikaian itu kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), Dr Mahathir menyatakan rasa kesal dengan sikap kerajaan republik itu yang melengah-lengahkan proses berkenaan.

Perdana Menteri berkata sungguhpun Singapura telah menyatakan persetujuan untuk merujuk pertikaian itu kepada ICJ namun sehingga kini negara itu masih belum menyiapkan segala dokumentasi bagi membolehkan ICJ membuat pengadil.

Segala-galanya kini terserah kepada kerajaan Singapura sama ada mereka jujur atau tidak dalam menyerahkan pertikaian untuk diadili oleh ICJ kerana Malaysia telahpun menyiapkan dokumentasi mengenai tuntutan mereka terhadap pulau itu untuk diadili oleh ICJ.

"Kita tidak boleh merujuk pertikaian kepada ICJ tanpa mendapat persetujuan Singapura," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir menganggap perbuatan kerajaan Singapura meneruskan juga kerja-kerja pembinaan di pulau itu walau statusnya masih dipertikaikan sebagai sesuatu yang tidak wajar.

"Ia tidak wajar... kalau ada pertikaian, mereka tidak harus terus membina, mereka harus hentikannya dan tunggu keputusan ICJ," kata beliau.

Mengenai bekalan air ke Singapura, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak akan memotong bekalan air ke republik itu tetapi bekalan sekarang adalah hanya untuk tujuan minum dan mandi.

"Kita rasa kita tidak harus bekalkan air untuk tujuan membolehkan mereka menjualnya kepada kapal-kapal untuk mendapatkan untung.

"Kita tahu... menurut kadar yang mereka siarkan, mereka menjual air kepada kapal-kapal pada kadar S\$20 setiap 1,000 gelen (3,800 litre) air dirawat. Mereka beli 1,000 gelen air belum dirawat pada harga 3 sen daripada kita.

"Andaikan kos merawat air ialah S\$2, menjualnya pada harga S\$20 iaitu

RM40 bermakna satu keuntungan besar dan kita rasa kita tidak harus memberikan sumbangan ke arah itu," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

AKT HS NAK